

SULIT

Bahasa Melayu
Ogos / Sept
2010



**JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 (2010)**

BAHASA MELAYU

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

[Lihat Sebelah
SULIT]

SULIT

2

1103/1

BAHAGIAN A
Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 [28 – 30] [26 – 27]	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 [23 – 25] [20 – 22]	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. • Wacanya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 [17 – 19] [15 – 16]	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.

1103/1

SULIT

SULIT

3

1103/1

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang memuaskan	10 – 14 [12 – 14] [10 – 11]	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas.
Pencapaian minimum	01 – 09 [06 – 09] [01 – 05]	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

Ungkapan menarik :

Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

SULIT

4

1103/1

BAHAGIAN B
Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis • Ejaan dan tanda baca yang betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Penggunaan unsur bahasa bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Kepujian	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan tanda baca betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

SULIT

5

1103/1

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan tanda baca masih betul • Penggunaan kosa kata umum • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
Memuaskan	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad • Ayat kurang gramatis • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Laras bahasa kurang sesuai. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
Kurang memuaskan	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang • Unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah

SULIT

6

1103/1

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Pencapaian minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • Pengolahan tidak menarik • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami

KARANGAN [BAHAGIAN B]

Jawapan ini hanya cadangan, sebarang jawapan lain diterima:

1. Masalah disiplin pelajar sekolah menjadi polemik yang tidak berkesudahan. Usaha menangani masalah ini memerlukan kerjasama semua pihak.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam masalah tersebut.

- *Menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)*
- *Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum*
- *Mengikuti program keagamaan*
- *Melibatkan diri dalam program nasional -cth PLKN*
- *Mengelakkan diri daripada terbabit dengan masalah sosial*

2. Malaysia ketandusan atlet yang berbakat dalam bidang sukan. Semua pihak termasuk keluarga berperanan penting dalam mencungkil bakat anak-anak mereka sejak kecil lagi.

Huraikan peranan ibu bapa untuk menggilap bakat anak-anak dalam bidang sukan.

- *Memberi dorongan / sokongan moral kepada anak-anak*
- *Menyediakan kelengkapan sukan*
- *Menghantar anak-anak menyertai latihan yang dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman*
- *Membawa anak-anak menyaksikan kejohanan sukan*

3. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dapat membantu menjanakan ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana tentang peranan kerajaan dan pihak swasta dalam memajukan IKS.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

*Format : Tolak 1 markah [Tidak ada tajuk]
Tolak 1 markah [Tidak ada penulis]*

- *Kerajaan – menyediakan modal / pinjaman – Melalui Amanah Ikhtiar Malaysia*
- *Kerajaan – menyediakan latihan / kursus berkaitan*
- *Swasta – menyediakan peluang pasaran hasil IKS*
- *Swasta – institusi kewangan menyediakan kemudahan pinjaman.*

4. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) banyak membantu negara-negara sedang membangun.

Jelaskan faedah-faedah yang diperolehi negara tersebut hasil perkembangan ICT.

- *Menerima pemindahan teknologi dari negara-negara maju*
- *Perkembangan dunia pendidikan – masyarakat negara membangun mengikuti program pendidikan dari negara maju*
- *Pemasaran barangan secara maya – memajukan industri*
- *Melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang*

- 5.

bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Peribahasa di atas menggambarkan bahawa nilai sepakat penting dalam kehidupan.

Bincangkan manfaat nilai tersebut dalam masyarakat.

- *Menyiapkan sesuatu kerja dengan mudah dan cepat.*
- *Melahirkan masyarakat yang bersatu padu*
- *Membentuk masyarakat harmoni*
- *Mewujudkan semangat toleransi*
- *Dapat membentuk peribadi mulia.*

SULIT

2

1103/2(PP)

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

SULIT

3

1103/2(PP)

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi, iaitu separuh daripada markah isi yang diperolehi.

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah satu markah.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 perkataan, markah tidak dipotong.

Pendahuluan / Pengenalan

Petikan membincangkan kesulitan / kekangan / halangan yang dihadapi oleh pengangkutan awam pada musim perayaan. [2M]

Isi Tersurat (kesulitan)

1. Ketiadaan bas tambahan beroperasi pada musim perayaan. [2M]
2. Keengganan pihak berkuasa mengeluarkan permit baharu untuk bas tambahan. [2M]
3. Pengguna yang menjadi mangsa terpaksa bersesak di kaunter untuk mendapatkan tiket. [2M]
4. Tidak ada usaha konkrit dilakukan (bagi memastikan urusan tiket dan bas, termasuk bas tambahan berjalan lancar). [2M]
5. Mengenakan tambang yang terlalu tinggi. [2M]
6. Tidak mengadakan perkhidmatan tambahan. [2M]
7. Bas yang disediakan tidak diselenggarakan dengan baik. [2M]
8. Bas yang disediakan tidak dilindungi insurans. [2M]
9. Bas yang disediakan lewat tiba di terminal (kerana tidak mengikut jadual). [2M]

SULIT

4

1103/2(PP)

Isi Tersirat (kesan)

1. Pengguna tidak dapat berhari raya bersama keluarga. [2M]
2. Pengguna menggunakan pengangkutan haram sebagai pilihan. [2M]
3. Pengguna terpaksa mendapatkan tiket dengan harga yang mahal. [2M]
4. Pengguna lambat sampai di destinasi. [2M]
5. Berlakunya kekecohan di kaunter ketika mendapatkan tiket. [2M]
6. Tidak ada pampasan kepada pengguna sekiranya berlaku kemalangan. [2M]

Kesimpulan

Oleh itu, pihak berkuasa perlu menyelesaikan masalah pengangkutan awam pada musim perayaan dengan kadar segera agar pengguna mendapat keselesaan. [2M]

SULIT

5

1103/2(PP)

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna / lengkap.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman.

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
• Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
• Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis • Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

SULIT

6

1103/2(PP)

Soalan (a) : Petikan Umum

(i) Maksud:

- mewujudkan / mencetuskan / menjadikan / keluh-kesah / kerisauan / kebimbangan

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Tindakan pihak pengusaha pengangkutan awam untuk memastikan orang ramai dapat pulang berhari raya ialah

- KTMB membuat tambahan 15,000 keping tiket 1M
- Persatuan pengusaha seluruh Malaysia memberikan jaminan tiket mencukupi 1M
- Pihak Pengurusan Konsortium Transnasional Berhad yang memperuntukkan sejumlah 36,000 keping tiket untuk bas tambahan 1M

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Tindakan pemilik syarikat bas ekspres bagi meningkatkan mutu perkhidmatan

- Mengutamakan keselesaan pengguna – pendingin hawa 1M
- Menepati masa / mengikut jadual 1M
- Kenderaan diselenggarakan secara berkala 1M
- Menyediakan pemandu yang berhemah 1M
- Menyediakan pembantu pemandu bagi perjalanan yang jauh 1M
- Memastikan pengguna mendapat pampasan yang sewajarnya sekiranya berlaku kemalangan 1M

*(terima mana-mana isi yang munasabah)***[Maksimum : 4 markah]**

SULIT

7

1103/2(PP)

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen

(i) Hak Eyrique yang dirampas oleh Strenn ialah:

- kekasihnya / Sarlyn
- takhta / pengganti raja / pemerintah
- mahligai / istana Alstonia

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Cara mendapatkan hak tanpa persengketaan:

- mengadakan perbincangan / muzakarah / diplomasi
- menggunakan orang tengah seperti ketua kampung, wakil rakyat dsb
- melaporkannya kepada pihak berkuasa seperti polis
- menggunakan saluran mahkamah / undang-undang
- mendapatkan sokongan orang lain seperti orang ramai, keluarga dll

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Nilai yang terdapat dalam petikan:

- keberanian – Eyrique berani menuntut haknya
- berpandangan jauh – Eyrique dapat menjangkakan pemikiran Strenn
- perpaduan / bersatu padu – penyatuan kuasa Eyrique dan Annyss dapat menumpaskan musuh
- menerima nasihat – Annyss mengingati pesan bondanya
- rasional – mujur fikiran Eyrique masih bertakhta di hati

(pilih satu sahaja)

Nilai yang terdapat dalam keseluruhan cerpen:

- setia kawan – persahabatan antara Akmal dengan Annyss
- kasih sayang – hubungan kasih sayang antara Eyrique dengan Annyss
- anjakan paradigma – Annyss berusaha untuk merampas kembali hak keluarganya
- tolong-menolong / bantu-membantu – Akmal dan Annyss saling membantu menumpaskan musuh

*(pilih dua sahaja)***[Maksimum : 3 markah]**

SULIT

8

1103/2(PP)

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud :
- tidak mempedulikan / tidak ambil kisah perbuatan / aksi Hang Jebat
- [Maksimum : 2 markah]
- (ii) Tindakan yang menggambarkan kerjasama antara Hang Tuah dengan Hang Jebat:
- bersama-sama menyarung keris
 - mereka berdua berusung talam
 - mereka berdua meletakkan talam di tengah ruang
 - bersetuju bertikam di atas talam supaya terpelihara kaki mereka
 - berjalan berdua masuk ke dalam perbendaharaan raja
- [Maksimum : 3 markah]
- (iii) Kepentingan muafakat dalam menjalankan sesuatu urusan:
- mengelakkan persengketaan / perbalahan / kekecohan / mengeratkan silaturahim
 - mendapat keputusan yang lebih adil / tidak berat sebelah / mengambil keputusan ramai
 - urusan akan menjadi lebih mudah
 - mewujudkan percambahan idea / perkongsian ilmu
 - mewujudkan semangat kerjasama / bersatu padu / bantu-membantu / tolong-menolong
- [Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) : Petikan Puisi Tradisional

- (i) Bukti ilmu sangat berharga:
- harga tidak ternilai
 - lebih mahal daripada sebuah dunia
 - kuasa ilmu sangat besar
 - menguasai alam ini

[Maksimum : 3 markah]

- (ii) Cara untuk mendapatkan ilmu:
- pembacaan – buku-buku, majalah, surat khabar
 - belajar di sekolah / berguru / menuntut ilmu
 - mendekati orang yang berilmu
 - media elektronik – menonton televisyen, Internet, komputer
 - menghadiri majlis-majlis ilmiah – ceramah, seminar, kursus, kuliah dsb
 - membuat kajian dan penyelidikan
 - melalui pengalaman hidup – melawat, mengembara, melancong

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Pengajaran
- kita hendaklah menggunakan ilmu di mana-mana sahaja
 - kita hendaklah beramal dengan ilmu yang diperoleh
 - kita diwajibkan menuntut ilmu
 - kita boleh menggunakan ilmu untuk mencari rezeki
 - untuk menjadi orang yang bijaksana, kita hendaklah mendapatkan ilmu

(pengajaran lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum : 3 markah]

SULIT

10

1103/2(PP)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

SOALAN 3 (a)

- | | | |
|-------|------------|---|
| (i) | pulang | - pergi ke tempat asalnya, balik, kembali
- jatuh kepada, terserah kepada, tertanggung atas |
| (ii) | sepulang | - waktu (masa) pulang, sekembali |
| (iii) | terpulang | - terserah |
| (iv) | pulangan | - hasil daripada atau pendapatan penanaman modal
(pekerjaan, perkhidmatan, pemberian dan lain-lain)
- tempat duduk orang yang mendayung / mengayuh perahu |
| (v) | kepulangan | - perihal pulang |
| (vi) | memulangan | - membawa pulang, mengirinkan, mengembalikan
- menyusun (mengatur) semula, memulihkan
- merujuk (kepada), menyerahkan kepada |

SULIT

11

1103/2(PP)

SOALAN 3 (b)

“Anis, lekas mandi, ada orang nak jumpa,” beritahu Husna dengan kuat.

“Siapa ?” jerit Anis dari dalam kamar kecil itu.

“Tak tahu! Katanya dia ayah kau!” balas Husna dengan kuat.

“Betulkah ? Kau jangan main-main!” kata Anis.

“Di mana dia? tanya Anis lagi.

“Dia tunggu di kantin,” balas Husna sambil berlalu.

SOALAN 3 (c)

(i) Kesalahan ejaan :

Selsema – Selesema
Walaubagaimanapun – Walau bagaimanapun
mengidap – menghidap

(ii) Kesalahan Imbuhan :

hidup – kehidupan
bertambah – ditambah
tanda - petanda

SOALAN 3(d)

(i) jika sekiranya – jika / sekiranya
menjalankan - memainkan

(ii) diambilalih – diambil alih
daripada - dari

(iii) bukan - tidak
diberikan oleh saya – yang saya berikan

SOALAN 3(e)

(i) Quran buruk
(ii) kaca terhempas ke batu
(iii) sudah jatuh ditimpa tangga

SULIT

12

1103/2(PP)

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

Soalan 4 (a)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap / jelas
- (iv) Berikan 1 markah bagi peristiwa yang kurang lengkap / kurang jelas
- (v) Markah isi maksimum 4 markah
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

4 (a) Peristiwa yang menunjukkan semangat tolong-menolong

DI HADAPAN PULAU

1. Tuk Marzuki dengan beberapa orang penduduk kampung bekerjasama untuk membantu Mak Ketong membina shelter.
2. Aziz sentiasa membantu Syed Fikri bercucuk tanam.
3. Syed Fikri membantu anak-anak kampung belajar mengaji al-Quran.
4. Masyarakat kampung menolong Tuk Marzuki ketika kena bom.
5. Aziz menolong menenangkan Afidah semasa mereka menziarahi kubur Tuk Marzuki.
6. Tuk Marzuki bersedia untuk menolong Aziz dengan berjanji untuk membawa Aziz ke Pulau Jakun.
7. Joyah selaku mak saudara Aziz menolongnya dengan cara menjaga Aziz sejak kematian ibu bapanya.
8. Mak Ketong menolong menjaga Aziz dan Afidah setelah kematian Tuk Marzuki.
9. Rosiah menolong menjaga Afidah semasa Tuk Marzuki ke Merlimau.
10. Haji Mustapha menolong menjaga Rokiah (adik Tuk Marzuki) semasa menetap di Merlimau.

PUTERA GUNUNG TAHAN

1. Ratu Bongsu menolong Mem William ketika dihempap sayap kapal terbang.
2. Perempuan Tua menolong Tuan Robert dengan memberikan kemudahan tempat tinggal sewaktu berada di perkampungan Sakai.
3. Masyarakat Sakai menolong Perempuan Tua sewaktu hendak melahirkan anak.
4. Kusina membantu Ratu Bongsu memerangkap Tuan William di bilik khazanah.
5. Ratu Bongsu membantu Tuan William dengan meminjamkan Burung Pesuruh Jaya.
6. Ali dan Awang membantu Tuan William dan Tuan Robert ketika mendaki Gunung Tahan.
7. Kusina membantu Tuan William naik ke Puncak Gunung Tahan untuk bertemu dengan Ratu Bongsu.

Soalan 4 (b)

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah untuk kegiatan ekonomi bagi setiap novel
- (iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap novel
- (v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	: 2 markah
Lemah	: 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

4 (b) Kegiatan ekonomi**DI HADAPAN PULAU**

1. Bercucuk tanam / Bertani - Syed Fikri menanam sayur untuk menyara kehidupannya.
2. Nelayan – Raihan, Dorani dan beberapa orang penduduk kampung bekerja sebagai nelayan.
3. Berniaga - Syed Zuhri telah menipu orang kampung semasa menjalankan perniagaan batu permatanya.
4. Bekerja dengan kerajaan – askar Jepun, askar Australia
5. Menjadi orang gaji di kem - Joyah dan Taksiah mengambil upah membasuh baju di kem.

PUTERA GUNUNG TAHAN

1. Bekerja dengan kerajaan – Tuan William dan Tuan Robert bekerja dengan kerajaan British.
2. Berburu – Masyarakat Sakai sering berburu di hutan untuk menyara kehidupan seharian.
3. Industri pelancongan – Puncak Gunung Tahan ingin dijadikan tempat pelancongan bagi orang British
4. Pertanian – Masyarakat Bunian memelihara binatang ternakan.
5. Penyelidik – Tuan Robert seorang penyelidik alam sekitar, beliau sentiasa mengambil gambar.
6. Menjadi pembantu – Ali dan Awang mengambil upah membantu Tuan William dan Tuan Robert mendaki Puncak Gunung Tahan.
7. Pengawal istana – mengiring Perempuan Tua melarikan diri dari istana.
8. Peniaga – Haji Adam menjadi pemilik bar (pusat hiburan)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT